

**PENDEKATAN *DA'WAH TARBIYYAH AL-NAFS*
DALAM PROGRAM HALAQAH TERHADAP
BANDUAN DI PENJARA POKOK SENA, KEDAH**

NOOR HAFIZAH BINTI NOOR RAHMAT

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**PENDEKATAN *DA'WAH TARBIYYAH AL-NAFS*
DALAM PROGRAM HALAQAH TERHADAP
BANDUAN DI PENJARA POKOK SENA, KEDAH**

oleh

NOOR HAFIZAH BINTI NOOR RAHMAT

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2023

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, selawat salam ke atas Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda dan seterusnya kepada umat Islam seluruhnya. Alhamdulillah, segala puji dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana telah mengurniakan semangat, kekuatan, kesihatan, keupayaan, *'inayah* dan rahmatNya kepada pengkaji sehingga kajian ini dapat disempurnakan.

Pertama sekali, ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang dimuliakan lagi dikasihi iaitu Prof Dr. Noor Shakirah Mat Akhir di atas segala bimbingan, komitmen dan kerjasama yang diberikan. Begitu banyak pengetahuan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini. Tanpa keprihatinan, kesungguhan dan sokongan beliau, kajian ini tentu tidak dapat disempurnakan dengan baik.

Seterusnya turut ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh Jabatan Penjara Malaysia di atas meluluskan permohonan membuat kajian penyelidikan Ijazah Doktor Falsafah ini di Penjara Pokok Sena di samping memberi kerjasama yang baik sepanjang melaksanakan kajian ini. Sehubungan dengan itu, ucapan terima kasih juga kepada barisan Pakar Rujuk iaitu Prof Madya Dr Salasiah Hanin Hamjah dari Fakulti Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, seterusnya Profesor Madya Dr. Mohd Farid Bin Mohd Sharif dan Senior Lecturer Dr Umar Muhammad Noor dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia di atas maklumat, idea dan pandangan membina yang diberikan bagi menjayakan kajian ini.

Ucapan penghargaan tidak lupa juga ditujukan kepada semua kakitangan Penjara Pokok Sena di atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan penyelidikan yang dijalankan terutamanya Ustaz Muaz bin Abu Bakar, Ustaz Mohd Azizan Bin Mohd Nordin dan Ustazah Juriah Binti Md Akhir di atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan penyelidikan yang dijalankan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan juga diberikan kepada suami saya, Ahmad Fhathullah Bin Azmi serta ibu bapa saya dan mertua saya, Noor Rahmat Bin Ariffin, Tuan Pah Sakinah Binti Syed Hasan, Azmi Bin Ibrahim dan Maizatun Binti Abdul Manaf juga adik beradik saya, Nor Naimah, Muhammad Ammar, Noor Muhaini, NurHayati dan Muhammad Amir Fuhairaq di atas sokongan, dorongan dan kerjasama yang diberikan mereka bagi menyiapkan kajian ini. Selain itu, ucapan penghargaan ini ditujukan kepada seluruh kakitangan Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sewaktu mengumpul data dan maklumat yang diperlukan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini termasuklah yang membantu mengedar dan mengumpul borang soal selidik, menganalisis data serta memberikan buah fikiran dan maklumat untuk menyempurnakan penulisan ini. Semoga segala kerjasama, pertolongan, sokongan dan dorongan yang diberikan akan mendapat ganjaran kebaikan daripada Allah SWT.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
TRANSLITERASI	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan Pengenalan.....	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian.....	10
1.4 Kajian Lepas	10
1.5 Skop Dan Batasan Kajian	19
1.6 Kepentingan Kajian	20
1.7 Metodologi Kajian	21
1.7.1 Kajian Kepustakaan	22
1.7.2 Kajian Lapangan	23
1.7.2(a) Metode Penentuan subjek	24
1.7.2(b) Metode Pengumpulan Data Kajian.	25
1.7.2(c) Metode analisis data.....	28
1.8 Penutup	29

BAB 2	<i>DA'WAH DAN TARBIYAH AL-NAFS</i>	33
2.1	Pengenalan	33
2.2	Definisi <i>Da'wah</i>	33
2.2.1	<i>Da'wah</i> dari Sudut Bahasa.....	35
2.2.2	<i>Da'wah</i> dari Sudut Istilah	38
2.3	Pendekatan <i>Da'wah</i>	41
2.4	Metode <i>Da'wah</i>	45
2.5	Prinsip-prinsip <i>Da'wah</i>	51
2.6	<i>Da'wah</i> dan Tarbiyyah al-Nafs	60
2.6.1	Hubungan <i>da'wah</i> dengan al-Tarbiyyah al-Nafs	60
2.6.1(a)	Definisi <i>Da'wah</i>	60
2.6.1(b)	Definisi <i>Tarbiyyah al-Nafs</i>	60
2.6.2	Hubungan <i>Da'wah</i> dengan <i>Tarbiyyah al-Nafs</i> dari Aspek Keistimewaan.....	74
2.6.3	Hubungan al- <i>Da'wah</i> dengan al-Tarbiyah Al-Nafs dari Aspek Proses.....	76
2.7	Model Keseluruhan	84
2.8	Program- Program <i>Da'wah</i>	84
2.8.1	Program <i>Da'wah</i> Berasaskan Al-quran dan Hadith.....	87
2.8.2	Program <i>Da'wah</i> Masa Kini	95
2.9	Penutup	106
BAB 3	PENJARA POKOK SENA, KEDAH DAN PROGRAM HALAQAH	107
3.1	Pengenalan	107
3.2	Sejarah Jabatan Penjara Malaysia	107
3.3	Bentuk Program Pemulihan	116
3.3.1	Program Pemulihan dalam Penjara	116
3.3.1(a)	Program Pembangunan Insan (PPI).....	119
3.3.1(b)	Objektif Program Pembangunan Insan (PPI).....	120

3.3.1(c)	Kerangka Program Pembangunan Insan (PPI)	121
3.3.2	Program Pemulihan Di luar Penjara	127
3.3.2(a)	Definisi Program Pemulihan Luar Penjara	129
3.3.2(b)	Objektif Program Pemulihan Luar Penjara.....	130
3.3.2(c)	Bentuk-Bentuk Program Pemulihan Luar Penjara.....	130
3.4	Konsep Penjara Dalam Islam.....	135
3.5	Penjara Pokok Sena.....	140
3.5.1	Lokasi Penyelidikan.....	141
3.5.2	Sejarah Penubuhan Penjara Pokok Sena.....	141
3.5.3	Struktur Organisasi Penjara Pokok Sena	141
3.5.4	Matlamat, Motto, Misi dan Visi Penjara Pokok Sena.....	145
3.5.5	Fungsi-Fungsi Tugas Penjara Pokok Sena.....	146
3.5.5(a)	Penahanan, Pemulihan Layanan & Keselamatan	147
3.5.5(b)	Pemasyarakatan (Perancangan Strategik Parol & Perkhidmatan Komuniti).....	155
3.5.5(c)	Perlaksanaan Hukuman Sebat Rotan	156
3.5.5(d)	Proses Perlaksanaan Hukuman Gantung	158
3.5.5(e)	Tindakan Sebelum/ Semasa/ Dan Selepas Hukuman Gantung Ke Atas Banduan Akhir	161
3.5.6	Inisiatif Penjara Pokok Sena Kepada Bekas Banduan.....	166
3.5.7	Pencapaian Penjara Pokok Sena	168
3.5.8	Infrastruktur dan Fasiliti Kakitangan Penjara Pokok Sena Kedah	169
3.6	Program Halaqah	169
3.6.1	Sejarah Program Halaqah.....	170
3.6.2	Objektif Penubuhan Program Halaqah	172
3.6.3	Modul Program Halaqah.....	176
3.6.4	Struktur Organisasi Pentadbir Program Halaqah.....	196
3.7	Penutup	196

BAB 4	ANALISIS PENDEKATAN <i>DA'WAH TARBIYYAH AL-NAFS</i> DALAM PROGRAM HALAQAH	271
4.1	Pengenalan	271
4.2	Analisis Soal Selidik Banduan	272
4.3	Dapatan Kajian.....	274
4.3.1	Analisis Demografi Responden	274
4.3.1(a)	Jantina	274
4.3.1(b)	Umur	274
4.4	Analisis Soal Selidik	275
4.4.1	Bahagian B : Tahap Persepsi Banduan Terhadap Modul	276
4.4.1(a)	' <i>Aqīdah</i>	277
4.4.1(b)	Ibadah.....	283
4.4.1(c)	Akhlak.....	289
4.4.1(d)	Bahagian C : Lain-Lain.....	296
4.5	Soalan Terbuka	297
4.6	Mengenal Elemen Nilai <i>Da`wah Tarbiyyah Al- Nafs</i> dalam Modul Program Halaqah dari segi Aspek definisi.....	302
4.7	Mengenal Elemen Nilai <i>Da`wah Tarbiyyah Al- Nafs</i> dalam Modul Program Halaqah dari segi Aspek Keistimewaan.....	304
4.8	Mengenal Elemen Nilai <i>Da`wah Tarbiyyah Al- Nafs</i> dalam Modul Program Halaqah dari segi Proses	305
4.9	Analisis Temu bual Pengajar Agama.....	306
4.9.1	Latar belakang responden kajian.....	306
4.10	Analisis Metode dan Pembawakan Penyampaian dalam Program Halaqah	308
4.10.1	Penyampaian Pengajar Agama 1	310
4.10.2	Penyampaian Pengajar 2.	311
4.10.3	Penyampaian Pengajar Agama 3	312
4.11	Analisis Pengawasan Kelas Program Halaqah.	315

4.11.1	Pengawalan Kelas daripada Pengajar Agama 1	316
4.11.2	Pengawalan Kelas daripada Pengajar Agama 2	316
4.11.3	Pengawalan Kelas daripada Pengajar Agama 3	317
4.12	Analisis Pemerhatian Sejauh Manakah Keberkesanaan Kelas Program Halaqah	318
4.12.1	Pemerhatian Sejauh Manakah Keberkesanaan Kelas Program Halaqah daripada Pengajar Agama 1	319
4.12.2	Pemerhatian Sejauh Manakah Keberkesanaan Kelas Program Halaqah daripada Pengajar Agama 2	319
4.12.3	Pemerhatian Sejauh Manakah Keberkesanaan Kelas Program Halaqah daripada Pengajar Agama 3	320
4.13	Penambahbaikkan Dalam Program Halaqah di Penjara Pokok Sena.	320
4.13.1	Penambahbaikkan Dalam Program Halaqah daripada Pengajar Agama 1.	321
4.13.2	Penambahbaikkan Dalam Program Halaqah daripada Pengajar Agama 2.	321
4.13.3	Penambahbaikkan Dalam Program Halaqah daripada Pengajar Agama 2.	322
4.14	Rumusan Temu bual Para Pegawai Penjara.....	323
4.15	Penutup	324
4.16	Kesimpulan	325
BAB 5	KESIMPULAN DAN SARANAN	375
5.1	Kesimpulan	375
5.2	Saranan.....	380
5.2.1	Pihak Pengajar Agama	380
5.2.2	Pihak Golongan Professional	381
5.2.3	Pihak Pengurusan Penjara Pokok Sena.....	382
5.2.4	Ibu bapa dan Masyarakat	383
5.2.5	Pihak Kerajaan	383
5.2.6	Kajian Selanjutnya.	384

5.2.7	Masyarakat Islam	384
5.3	Penutup	385
BIBLIOGRAFI		388
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Kapisiiti Sebenar Banduan Berbanding Lebihan Banduan 2022..... 5
Jadual 1.2	Tahun Semasa Kapasiti Banduan 6
Jadual 1.3	Tahun Terdahulu Kapasiti Banduan..... 6
Jadual 1.4	Jumlah statistik banduan mengikut Bangsa (2018)..... 7
Jadual 1.5	Jadual Penentu Saiz Sampel..... 24
Jadual 3.1	Modul Utama Fasa II 122
Jadual 3.2	Peraturan-Peraturan Penjara 1995 124
Jadual 3.3	Skema Pemarkahan Program Pembangunan Insan JPM..... 126
Jadual 3.4	Senarai Perjawatan Uniform 143
Jadual 3.5	Statistik Harian Penghuni Terkini 147
Jadual 3.6	Statistik Blok Penjara Pokok Sena 148
Jadual 3.7	Statistik Jumlah Banduan Yang Diparolkan Tahun 2020 156
Jadual 3.8	Sistem Peringkat Banduan 165
Jadual 3.9	Aliran Pelaksanaan Mata Pelajaran..... 185
Jadual 3.10	Modul Halaqah..... 191
Jadual 3.11	Jadual Waktu Banduan Fasa 1 Penjara Pokok Sena 193
Jadual 3.12	Jadual Waktu Banduan Fasa 2 194
Jadual 4.1	Analisis Demografi Responden..... 274
Jadual 4.2	Analisis Umur Responden..... 274
Jadual 4.3	Jadual Interpretasi Min..... 276
Jadual 4.4	Analisis Persepi Banduan Terhadap Modul 277
Jadual 4.5	Analisis Persepi Banduan Terhadap Modul 283
Jadual 4.6	Analisis Persepi Banduan Terhadap Modul 289
Jadual 4.7	Skor min bagi aspek ‘aqīdah, ibadah dan akhlak 295

Jadual 4.8	Analisis data bagi Bahagian C (Lain-Lain).....	296
Jadual 4.9	Metode dan Pembawakan Penyampaian dalam Program Halaqah	309
Jadual 4.10	Kaedah Pengawalan Kelas dalam Program Halaqah	315
Jadual 4.11	Pemerhatian Sejauh Manakah Keberkesanaan Kelas Program Halaqah.....	319
Jadual 4.12	Penambahbaikkan Dalam Program Halaqah di Penjara Pokok Sena.....	320

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Aliran Metodologi Kajian 29
Rajah 3.1	Lima Elemen Teras PPI118
Rajah 3.2	Modul Therapeutic Community..... 123
Rajah 3.3	Program Pembangunan Insan (PPI) Pride..... 127
Rajah 3.4	Carta Struktur Organisasi Penjara Pokok Sena..... 142
Rajah 3.5	Ukuran Kepada Penjara Sejahtera..... 146
Rajah 3.6	Carta Pemulihan Banduan..... 153
Rajah 3.7	Parol dan Perkhidmatan Komuniti 155
Rajah 3.8	Jenis Sebat Rotan 157
Rajah 3.9	Tempat Pelaksanaan Hukuman Gantung 160
Rajah 3.10	Pemulihan Peringkat Program Halaqah 174
Rajah 3.11	Struktur Organisasi Pentadbir Program Halaqah 196
Rajah 4.1	Soal Selidik Tertutup..... 273
Rajah 4.2	Soal Selidik Terbuka 273

SENARAI SINGKATAN

a.s	‘alayhi salam
cet.	Cetakan
Ed.	Edisi
Et.al	Pengarang Bersama
h.	Halaman
Ibid	Ibidem. In the same place
J.	Jilid
m.	Meninggal
Tkpj	Timbalan Ketua Penjara Malaysia
r.a	Radiya Allah ‘anh
s.a.w	Salla Allah ‘Alayhi wa Sallam
s.w.t	Subhanu Wata ‘ala
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
t.th	Tanpa Tarikh
Terj.	Terjemahan
IPS	Institut Pengajian Siswazah
USM	Universiti Sains Malaysia
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia

TRANSLITERASI

1. KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ	A	سأل	<i>sa'ala</i>
ب	B	بدل	<i>Badala</i>
ت	T	تمر	<i>Tamr</i>
ث	Th	ثورة	<i>Thawrah</i>
ج	J	مجال	<i>Jamal</i>
ح	ḥ	حديث	<i>ḥadith</i>
خ	Kh	خالد	<i>Khalid</i>
د	D	ديوان	<i>Diwan</i>
ذ	Dh	مذهب	<i>Madhhab</i>
ر	R	رحمن	<i>Rahman</i>
ز	Z	زمزم	<i>Zamzam</i>
س	S	سراب	<i>Sarab</i>
ش	Sh	شمس	<i>Shams</i>
ص	ṣ	صبر	<i>ṣabr</i>
ض	ḍ	ضمير	<i>ḍamir</i>
ط	ṭ	طاهر	<i>ṭahir</i>
ظ	Z	ظهر	<i>Zuhr</i>
ع	‘	عبد	<i>‘abd</i>
غ	Gh	غيب	<i>Ghayb</i>
ف	F	فقه	<i>Fiqh</i>
ق	Q	قاضي	<i>Qaḍi</i>
ك	K	كأس	<i>ka's</i>
ل	L	لبن	<i>Laban</i>
م	M	مزمارة	<i>Mizmar</i>
ن	N	نوم	<i>Nawm</i>
ه	H	هبط	<i>Habaṭa</i>
و	W	وصل	<i>Wasl</i>
ي	Y	يسار	<i>Yasar</i>

2. VOKAL

Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ	A	فَعَلَ	<i>Fa'ala</i>
اِ	I	حَسِبَ	<i>Ḥasiba</i>
اُ	U	كُتِبَ	<i>Kutiba</i>

Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اِي/اِي	A	كاتب, قاضي	<i>katib, qada</i>
يِي	I	كريم	<i>Karim</i>
وِي	U	حروف	<i>Huruf</i>

Diftong

Huruf Arab	Huruf latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
او	Aw	قول	<i>Qawl</i>
اي	Ay	سيف	<i>Sayf</i>
يي	I	رجعي	<i>raj'i atau raj'iyy</i>
وو	Uww	عدو	<i>'aduww atau 'adu</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Set Borang Selidik
Lampiran B	Surat Permohonan Menjalankan Kajian
Lampiran C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
Lampiran D	Borang Butiran Lantikan Pakar Bidang Bagi Semakan Instrumen Soal Selidik
Lampiran E	Semakan Instrumen Kajian Oleh Pakar Bidang
Lampiran F	Transkripsi Pegawai Pertama
Lampiran G	Aktiviti Penghuni

**PENDEKATAN *DA'WAH TARBIYYAH AL-NAFS* DALAM PROGRAM
HALAQAH TERHADAP BANDUAN DI PENJARA POKOK SENA, KEDAH**

ABSTRAK

Penjara adalah tempat kurungan berlandaskan peruntukan undang-undang. Namun begitu, kebelakangan ini berita kesesakan dan pelambakan banduan telah mengemparkan Malaysia. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti usaha-usaha *Tarbiyyah al-Nafs* oleh Bahagian Unit Agama Islam, pandangan keberkesanan dan cadangan kakitangan Penjara Pokok Sena, persepsi banduan terhadap metode program halaqah juga menganalisis metode *Da'wah Tarbiyyah al-Nafs*. Seramai 300 orang responden yang terdiri daripada banduan lelaki dan perempuan dari semua fasa program halaqah yang mempunyai 4 fasa kesemuanya. Program halaqah ini dilaksanakan terhadap banduan-banduan yang beragama Islam. Seterusnya, kesemua pengajar agama yang terdiri daripada 3 orang pengajar turut terlibat di dalam kajian ini. Tambahan pula, reka bentuk kajian adalah reka bentuk kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan adalah dengan menggunakan metode temu bual dan soal selidik. Data yang diperoleh dianalisis melalui Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 22.0. Hasil kajian menunjukkan persepsi banduan terhadap program halaqah yang dijalankan di penjara adalah pada tahap yang tinggi. Namun begitu, kesemua pengajar agama melalui pengalaman mereka menyatakan keberkesanan program halaqah yang dicapai adalah pada tahap sederhana. Justeru, dapat disimpulkan, tahap penerimaan banduan terhadap Program halaqah sangat memuaskan dan hanya perlu penambahbaikan untuk memantapkan lagi keberkesanan Program Halaqah.

**THE APPROACH OF *DA'WAH TARBIYYAH AL-NAFs* IN HALAQAH
PROGRAMME FOR POKOK SENA, KEDAH PRISON INMATES**

ABSTRACT

Studies pertaining to religious programmes in prisons are indispensable as they form fundamental tools to ensure that prison's rehabilitative role outweighs its punitive function. This study intends to identify the perception of inmates of halaqah programmes. It also aims to recommend improvements on halaqah programmes. A total of 300 respondents comprising of male and female inmates were involved in the study from all four phases of halaqah which were conducted for muslim inmates. The study was conducted via interview a questionnaire method comprising of 30 item questions. The acquired data was analyzed by way of statistical package for social science (spss) version 2.0 to obtain frequency, mean distribution and common deviation. The 30 items developed are based on several themes namely in support of the roots of islamic knowledge particularly syllabus of creed (aqidah), fiqh and morality (akhlaq). Further, the 30 question items were designed to deduce the inmates' perception upon the halaqah module also interview session with religious teacher. The findings of this study demonstrate that efforts need to be enhanced from time to time to ensure that the objectives are achieved. Therefore, this type of studies needs to further focus on halaqah programmes to be implemented in other prisons to obtain more holistic findings.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan Pengenalan

Malaysia negara membangun dan telah diiktiraf dalam Laporan Kompetitif Global sebagai negara pembangun paling pesat dan merupakan pemain ekonomi paling kompetitif dalam negara-negara Asia. Selain itu, sasaran Malaysia juga ingin menjadi negara maju menjelang 2050.¹ Oleh hal yang demikian, dengan sasaran yang ingin dicapai, maka muncul pelbagai reaksi masyarakat yang melihat jumlah jenayah mencacai naik dari tahun ke tahun. Justeru, masyarakat menuntut untuk diusahakan cara mengatasi masalah ini dengan kaedah yang berkesan untuk mengurangkan jenayah di Malaysia. Seterusnya, kajian Azlina menunjukkan rekod kajian yang dibuat sejak tahun 2000 sehingga 2010 berkaitan masalah sosial. Terdapat kira-kira 150 buah kajian yang telah dilakukan yang berkait rapat dengan pelbagai kesalahan gejala sosial. Justeru, kajian paling banyak adalah daripada kajian berbentuk asas gunaan dan kajian tesis di peringkat sarjana serta doktor falsafah. Selain itu, sedikit kajian berbentuk rundingan yang memfokuskan kepada penggubalan dasar negara. Oleh hal yang demikian, kajian baharu harus dijalankan yang memfokuskan dasar negara dan cenderung kepada keperluan dasar pembangunan sosial negara². Justeru, hal ini menjadi keperluan untuk dikaji semula kerana tempoh yang sudah lama berlalu dalam penyelidikan berkaitan aspek kepenjaraan ini dan perlu dilakukan serta cakna tentang jenayah yang sedang berlaku di Malaysia dengan memperkenalkan dasar dan polisi

¹ Bharian.com.my cnews@nstp.com.my. Diakses pada 5 Jun 2022.

² Azlina Abdullah, 2010, "Tema Dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial Pada Dekad Pertama Abad 21 Di Malaysia, ms 3-14.

yang bersesuaian untuk mengatasi permasalahan ini sebagai sentuhan baru pada era 2022 ini.

Matlamat utama kajian ini ialah untuk membuat penilaian pendekatan *da'wah tarbiyyah al-nafs* di bahagian Unit Agama terhadap para banduan Penjara Pokok Sena, Kedah. Kajian ini difikirkan dapat membantu para banduan dalam menangani masalah di samping dapat mempelbagaikan strategi *da'wah*. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti adakah kaedah seumpama pendekatan *da'wah tarbiyyah al-nafs* diaplikasikan dalam pelaksanaan metode *da'wah* di Penjara Pokok Sena, Kedah.

Pemilihan lokasi kajian ialah di Penjara Pokok Sena, Kedah yang difikirkan dapat menggabungkan kaedah metode *da'wah* penjara dengan *da'wah tarbiyyah al-nafs*. Di samping itu, dapat memperlihatkan sejauh manakah keperluan disepadukan dalam ilmu tersebut dalam menyelesaikan masalah peningkatan jumlah banduan dan tahanan yang semakin meningkat saban tahun. Hal ini kerana, peningkatan banduan saban tahun menjadikan metode *da'wah* sangat penting dalam menjadikan subjek kajian dengan bertujuan mengembalikan banduan ke arah insan yang berguna kepada masyarakat. Di samping itu, menguji keberkesanan metode *da'wah* yang digunakan oleh Jabatan Penjara dalam menangani lebih banduan³ yang juga menimbulkan persoalan mengapakah berlakunya lebih banduan dan adakah program pemulihan yang diberikan tidak berkesan.

Sehubungan dengan itu, perkataan *da'wah tarbiyyah al-nafs* dipilih kerana memberi makna yang sesuai kepada pemulihan yang dijalankan oleh Program Halaqah mahupun terapi yang dilaksanakan iaitu pendidikan jiwa. Tambahan pula, perkataan

³ Jumlah banduan yang melebihi kapasiti penjara yang ditetapkan.

da'wah juga dipilih bagi menterjemahkan dalam kajian ini sebagai mengajak banduan kembali ke pangkal jalan kerana perkataan *da'wah* ini begitu dekat dengan agama Islam itu sendiri. Justeru, perkataan ini digunapakai bagi menerangkan kaedah pemulihan insan selain merujuk kepada pendidikan jiwa. Hal ini demikian, pendekatan *da'wah tarbiyyah al-nafs* merupakan salah satu pendekatan *da'wah* yang difikirkan relevan dengan keperluan semasa banduan-banduan kerana pendekatan ini berusaha membimbing para banduan ke arah penghayatan rohani di samping membuat penilaian terhadap metode *da'wah* yang digunakan oleh pihak Penjara Pokok Sena sekarang. Oleh itu, kajian ini wajar diketengahkan.

1.2 Pernyataan Masalah

Dewasa ini, peningkatan kes jenayah yang berlaku di negara Malaysia telah menyebabkan berlakunya kesesakan mahupun pelambakan banduan di penjara seluruh Malaysia. Permasalahan jenayah yang sering berlaku di dalam negara turut disokong oleh kajian Rahim⁴ yang mengatakan Malaysia sedang menghadapi pelbagai cabaran jenayah termasuk kadar pembunuhan ganas. Seterusnya, Rahim turut mengatakan walaupun terdapat peruntukan hukuman yang bersifat punitive dan keras, namun bilangan jenayah dilihat terus meningkat tinggi setiap tahun. Jenayah yang berterusan ini telah menimbulkan keresahan kepada masyarakat dan keselamatan Negara. Oleh hal yang demikian, ini secara tidak langsung telah memperlihatkan tanda tanya keberkesanan metode *da'wah*.

⁴ Rahim Kamaluddin, Azizah Othman, Khaidzir Ismail & Geshina Ayu Mat Saat. 2016. "Aggression Profiles of Incarcerated Malaysian Male Murderers". h.137-147

Sehubungan dengan itu, fenomena yang tidak sihat melalui pertambahan bilangan banduan yang melakukan salah laku atau jenayah di era ini perlulah ditangani. Hal ini juga menjadi bualan para masyarakat apabila diberitakan di media sosial tentang kesesakan berlaku di kalangan banduan di seluruh negara. Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pemasyarakatan), Jabatan Penjara, Datuk Ibrisam Abdul Rahman telah mengulas isu ini di dalam Majlis Serah Tugas Pengarah Penjara Pulau Pinang di Pejabat Penjara Negeri Pulau Pinang yang mengatakan seramai 70,000 banduan telah ditempatkan di 40 penjara dan 10 penjara satelit seluruh negara ketika ini berbanding kapasiti penjara adalah 62,000 sahaja. Hal ini dapat dilihat lebih banduan dan lebih kapasiti sebenar penempatan banduan. Daripada jumlah lebih itu dianggarkan 8,000 orang banduan di seluruh negara adalah lebih banduan dari angka kapasiti penjara yang ditetapkan. Tambahan pula, Penjara Kajang dan Penjara Sungai Buloh masing-masing telah menunjukkan rekod yang paling tinggi apabila kedua-dua penjara ini mempunyai bilangan banduan seramai 6,000 banduan. Di samping itu, jika dibandingkan dengan kapasiti sebenar, Penjara Kajang dan Penjara Pokok Sena masing-masing adalah 3,500 orang banduan dan 3,000 orang banduan. Hal ini demikian telah didapati, jumlah sebenar banduan dan kapasiti sebenar penjara tidak selari dengan peningkatan sebanyak dua kali ganda telah berlaku di penjara-penjara berkenaan.

Seterusnya, di Penjara Reman Pulau Pinang, terdapat lebih banduan dengan angka 800 orang banduan daripada kapasiti sebenar adalah 1,100 orang banduan. Kemudian, Penjara Seberang Perai juga, kapasiti banduan hanya 1,500 orang banduan namun jumlah banduan telah berlaku lebih iaitu seramai 1,900 orang banduan. Lebih banduan ini menyebabkan peningkatan kos kerajaan bagi menanggung para banduan di seluruh negara. Oleh hal yang demikian, keadaan ini membebankan dan

semakin parah saban tahun. Oleh itu, disertakan jadual statistik lebihan kapasiti penghuni penjara di Malaysia dan sangatlah membimbangkan. Jadual adalah seperti berikut⁵:

Jadual 1.1 Kapisiti Sebenar Banduan Berbanding Lebihan Banduan 2022.

No.	Penjara	Kapisiti Sebenar	Penempatan Semasa Banduan.	Lebihan Banduan
1.	Penjara Kajang	3,500	6,000	2,500
2.	Penjara Sungai Buloh	3,000	6,000	3,000
3.	Penjara Reman Pulau Pinang	1,100	1,900	800
4.	Penjara Seberang Perai	1,500	1,900	400
5.	Penjara Pokok Sena	1,200	3,420	2,220

Namun begitu, terdapat juga lebihan banduan di penjara -penjara lain di seluruh Malaysia yang tidak dinyatakan dalam temubual bersama Datuk Ibrisam Abdul Rahman ini. Adalah yang disebut oleh beliau ialah nama-nama penjara yang paling kritikal dalam mengalami lebihan banduan, namun fakta lebihan ini adalah hampir seluruh penjara di Malaysia yang telah dibanjiri oleh lebihan banduan. Seramai 8000 orang pada tahun 2022 ini yang telah dinyatakan sebelum ini oleh beliau⁶.

Selain itu, peningkatan jumlah banduan, tahanan, dan juvana turut dikenal pasti. Kapasiti penjara pada tahun 2017 telah didapati 52,350 namun pengisian di dalam penjara yang dimuatkan adalah 58,110⁷. Tambahan pula, angka ini meningkat pada tahun 2022 dengan kapasiti sebenar penjara adalah 62,000 namun pengisiannya adalah 70,000 penghuni banduan. Bagi melihat perbezaannya, disertakan jadual di bawah :

⁵ www.utusan.com.my, 9 Oktober 2020, diakses pada 25/7/2022, jam 9.45 pm

⁶ b.harian.com.my, march 16, 2022 bhnews@bh.com.my yang diakses pada 18.7.2022 pada 5.30 a.m.

⁷ Ibid

Jadual 1.2 Tahun Semasa Kapasiti Banduan

TAHUN	KAPASITI SEBENAR	PENGISIAN BANDUAN
2017	52,350	58,110
2022	62,000	70,000

Justeru, dapat dilihat dengan ketara dari segi lebih kapasiti banduan semasa dan peningkatan kemasukan banduan ke penjara yang menyebabkan kesesakan banduan dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, isu kesesakan banduan, tahanan dan juvana ini telah memberi kesan mahupun implikasi yang tidak baik contohnya keperluan asas, bajet makanan, kemudahan perubatan dan keperluan anggota yang perlu ditambah dan diselesaikan oleh pihak kerajaan. Oleh hal yang demikian, penambahan banduan ini membebankan pihak kerajaan dari segi kelengkapan asas para banduan di seluruh Malaysia.

Tambahan pula, di Penjara Pokok Sena turut meningkat kadar pertambahan banduan iaitu 3,420 pada tahun 2022 berbanding pada tahun 2018 seramai 1,400 orang banduan. Dapat dilihat di sini, peningkatan banduan selama 4 tahun seramai 2,020 orang banduan. Maka jadual di bawah menunjukkan lebih kapasiti penjara yang berlaku di Penjara Pokok Sena :

Jadual 1.3 Tahun Terdahulu Kapasiti Banduan

Tahun	Kapasiti Sebenar	Pengisian Banduan
2018	1200	1400
2020	1200	3420

Justeru dapat dilihat lebih kapasiti pada tahun 2022 adalah seramai 2,220 orang banduan. Hal ini sangat membimbangkan kerana kesesakan banduan yang sangat tinggi di Penjara Pokok Sena dengan hampir 2000 orang banduan dimuatkan untuk penempatan tempat bagi 1,200 orang sahaja banduan pada satu-satu masa.

Selain itu, pertambahan banduan bukan pertambahan banduan lelaki sahaja malahan turut berlaku pertambahan banduan perempuan. Justeru, dari segi penambahan banduan wanita, turut dinyatakan semakin hari semakin bertambah kadar jumlahnya. Kegawatan pertambahan banduan ini menjadi semakin meruncing. Hasil daripada kajian rintis⁸ yang dilakukan melalui temubual dan pengumpulan data kasar di Penjara Pokok Sena, didapati bahawa pada tahun 2017, jumlah banduan wanita adalah seramai 251 dan telah berlaku peningkatan pada tahun 2018. Seramai 298 banduan wanita telah direkod menghuni di Penjara Pokok Sena pada tahun 2018. Jadual di bawah adalah statistik terkini bagi banduan di Penjara Pokok Sena yang diambil pada 28/2/2018. Maklumat adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1.4 Jumlah statistik banduan mengikut Bangsa (2018)

JANTINA	MELAYU	CINA	INDIA	SINGH	LAIN-LAIN BANGSA	JUMLAH
Lelaki	1000	20	74	1	7	1,102
Wanita	123	20	11	X	8	298

Sumber :Meja Pejabat Rekod Jenayah (RO), Penjara Pokok Sena , Kedah, 28/2/2018

⁸Temubual dengan Tuan Rosli bin Abdul Razak (Ketua Bahagian Kebajikan Dan Program Penghayatan Insan (PPI)), Ustazah Sharifah Adilla binti Aziz (Tenaga Pengajar Agama bagi banduanita) dan Ustaz Muaz Bin Abu Bakar(Tenaga Pengajar Agama bagi banduan lelaki) di Penjara Pokok Sena, Kedah pada 4 November 2018, jam 10.30 pagi.

Dapat disimpulkan daripada makluman daripada pegawai jabatan bahawa peningkatan terhadap jumlah banduan wanita semakin meningkat dan jumlah majoriti banduan adalah bangsa Melayu sehingga mencecah 1,123 orang banduan. Justeru, perkara ini perlu digariskan dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Daripada jumlah statistik Penjara Pokok Sena ini, antara perkara penting yang perlu diambil perhatian adalah dari segi pemulihan akhlak.

Adapun dengan kesesakan banduan yang berlaku di seluruh penjara Malaysia ini turut menyebabkan kekurangan kakitangan wadar bagi mengawasi banduan. Penjara keseluruhannya termasuklah Pusat Pemulihan Akhlak (PPA), Pusat Pemulihan Khas (PPK), Sekolah Henry Gurney (SHG) dan Pusat Pemulihan Pemasarakatan (PPP) di mana keseluruhannya dilaporkan dihuni oleh tahanan seramai 72,083 individu. Justeru, isu kekurangan wadar telah berlaku dan kakitangan penjara amatlah membimbangkan. Jadual keseluruhan penghuni tahanan adalah seperti berikut :

Jadual 1.6 : Jumlah Tahanan Di Malaysia

Bil	Jenis	Jumlah Tahanan
1.	Penjara (40 buah)	66,315
2.	Pusat Pemulihan Akhlak (PPA)	2,367
3.	Pusat Pemulihan Khas (PPK)	524
4.	Sekolah Henry Gurney (SHG)	1,549
5.	PusatPemulihan Pemasarakatan (PPP)	1,328

Hal ini dipandang serius oleh pihak penjara kerana kapasiti penjara dan pusat pemulihan di seluruh negara hanya mampu menampung seramai 53,830 tahanan namun telah melebihi kapasitinya sekarang dengan 72,000 orang penghuni. Dan telah

dipantau oleh pihak berkenaan, 30 buah penjara daripada 40 buah penjara secara keseluruhannya telah mengalami masalah kesesakan banduan.⁹

Maka disinilah timbul persoalan mengenai pendekatan yang sesuai untuk membentuk jati diri warga negara yang terbilang. Tambahan pula, Ketua Pengarah Jabatan Penjara, Datuk Seri Zulkifli Omar dalam kenyataan rasmi pada tahun 2016¹⁰ turut menyatakan kebimbangan berkaitan jumlah penghuni penjara yang berlaku lebih kapasiti di Penjara Pokok Sena¹¹.

Seterusnya, program pemulihan yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Penjara adalah salah satu program yang telah disusun dengan begitu teliti dan tersusun ke atas para banduan. Namun demikian sejauh manakah program-program tersebut telah memberi pembangunan jiwa terhadap banduan setelah tamat hukuman. Justeru, kajian ini cuba mengetengahkan isu metode sebagai platform yang berkesan dalam memberi keberkesanan terhadap pembinaan jiwa banduan. Oleh itu, dari huraian di atas maka kajian tertarik mengambil judul kajian dengan kajian “Pendekatan *Da‘wah Tarbiyyah al- Nafs* Dalam Program Halaqah Terhadap Banduan Di Penjara Pokok Sena”. Maka kajian perlu dilakukan untuk menilai kembali metode *da‘wah* yang sedia ada.

⁹ Maszureen hadzman, 9 Oktober 2020, www.utusan.com.my. Diakses pada 21/7/2022 pada 11.55am.

¹⁰ Ketua Pengarah Jabatan Penjara, Datuk Seri Zulkifli Omar berk2ata, program pemulihan khususnya yang menekankan konsep kerohanian dan ketahanan mental amat penting bagi membantu penghuni kembali menjadi insan yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab. (2016)Jabatan Penjara meminta lebih banyak organisasi korporat dan (NGO) tampil menyumbang dalam program pemulihan penghuni penjara.(Utusan Online)

¹¹ “Dari sudut kapasiti,penjara ini mampu menampung seramai 1800 penghuni lelaki dan 200 penghuni wanita” Ketua PengarahPenjara,DatukZulkifli Omar (*Utusan Online*)

1.3 Objektif Kajian

Antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

- i) Mengenalpasti usaha-usaha *tarbiyyah al-nafs* terhadap Program Halaqah yang dilakukan oleh Bahagian Unit Agama Islam kepada banduan
- ii) Mengenalpasti pandangan keberkesanan dan cadangan kakitangan Penjara Pokok Sena yang terlibat tentang penilaian dalam Program Halaqah.
- iii) Mengkaji persepsi banduan terhadap metode *Da'wah Tarbiyyah al-Nafs* yang dilaksanakan di Penjara Pokok Sena.
- iv) Menganalisis metode *Da'wah Tarbiyyah al-Nafs* yang didapati di dalam Program Halaqah terhadap banduan-banduan dan mengemukakan saranan berdasarkan dapatan objektif kedua dan ketiga.

1.4 Kajian Lepas

Merujuk kepada kajian-kajian terdahulu mahupun latihan ilmiah, terdapat banyak kajian yang telah dibuat mengenai metodologi atau kaedah yang digunakan dalam program pendidikan, koreksi atau pembetulan dan pemulihan di penjara. Namun begitu, didapati sedikit kajian yang berbentuk penilaian terhadap program-program di penjara berasaskan perspektif Islam.

Antara kajian ilmiah mengenai penjara adalah bertajuk “*Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pelaksanaan Modul Pembangunan Wanita Yang Bermasalah Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*”¹². Melalui kajian tersebut, 3 aspek psikologi diberi tumpuan iaitu konsep sendiri, kebimbangan dan kemurungan kerana sering dikaitkan dengan banduan wanita. Ketiga-tiga aspek psikologi tersebut mempunyai peranan tersendiri dalam pemulihan banduan wanita jika ia dibangunkan dan ditangani dengan baik. Oleh itu, kajian ini cuba mengenal pasti kesesuaian program sedia ada iaitu program keagamaan dan sokongan sosial dalam membantu pemulihan banduan wanita. Hasil kajian mendapati program keagamaan dan sokongan sosial mempengaruhi konsep sendiri, kebimbangan dan kemurungan banduan wanita di Malaysia. Dapatan-dapatan kajian dilihat mampu memberi implikasi yang positif terhadap perkembangan ilmu khususnya terhadap usaha pembinaan psikologi yang sihat. Malah dapatan juga memberi tambahan maklumat dalam usaha menangani masalah kesihatan mental yang semakin meningkat dalam masyarakat umumnya.

Selain itu, kajian daripada Amidi Bin Abdul Manan, “Kajian Kes Rehabilitasi Banduan Di Penjara Penor; Mengkaji Keberkesanan Pemulihan Banduan Berkaitan Aspek Akidah Menggunakan Pendekatan Biasa Dan Sains”¹³. Penyelidikan yang telah dilakukan adalah berfokuskan kepada banduan yang terlibat dalam kesalahan jenayah sivil. Kajian tersebut menekankan simptom isu kepada kecelaruan nilai agama. Akhlak dibina di atas dasar iman. Manusia sebagai makhluk yang serba lemah sering membuat kesilapan dalam mendepani cabaran kehidupan. Penyelidikan tersebut melihat

¹² Khairul Hamimah Mohamad Jodi.,2012, “ Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pelaksanaan Modul Pembangunan Wanita Yang Bermasalah Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”.Tesis Doktor Falsafah.UM.

¹³ Amidi Bin Abdul Manan, 2010,“Kajian Kes Rehabilitasi Banduan Di Penjara Penor; Mengkaji Keberkesanan Pemulihan Banduan Berkaitan Aspek Akidah Menggunakan Pendekatan Biasa Dan Sains”. Sarjana Falsafah. UKM.

keberkesanaan pendekatan yang berteraskan fakta-fakta sains dalam al-Quran. Modul yang berteraskan fakta sains dalam al-Quran telah diuji keberkesanannya oleh Mohd Arip Bin Kasmu. Secara umumnya, kajian keberkesanan da'wah di penjara sudah pernah dibuat tetapi berlainan tempat kajian di seluruh Malaysia.

Ibrahim Saad dalam kajian sarjana sastera (kajian sosial) beliau, turut membuat kajian ilmiah dalam konsep kepenjaraan yang bertajuk "*Pengaruh Faktor Diri, Keluarga Persekitaran Sosial Terhadap Residivisme*"¹⁴. Objektif penyelidikan tersebut ialah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah residivisme di Penjara Malaysia, khususnya di Penjara Taiping. Penyelidikan tersebut menggunakan kaedah kuantitatif dengan dibantu kaedah kualitatif. Kaedah temubual dengan responden dan kakitangan Penjara Taiping dijalankan. Maklumat kualitatif digunakan bertujuan untuk menyokong data kuantitatif dalam penemuan penyelidikan. Instrumentasi penyelidikan yang digunakan ialah borang soal selidik. Seramai 230 responden residivis dari Penjara Taiping telah dipilih secara rawak mudah sebagai sampel berasaskan tiga jenis kesalahan iaitu kes kesalahan jenayah kekerasan, kes jenayah kesalahan harta benda, dan kes kesalahan dadah. Dapatan penyelidikan juga menunjukkan bahawa sebanyak 41% bersetuju faktor persekitaran sosial menjadi penyebab yang agak kuat mempengaruhi masalah residivisme dan sebanyak 37% tidak setuju pengaruh keluarga dan masyarakat yang menyebabkan residivisme. Ini bermakna hubungan residivis dengan keluarga masih diperlukan walaupun interaksi untuk membincangkan masalah peribadi agak berkurangan.

¹⁴ Ibrahim Saad ,2013, "*Pengaruh Faktor Diri, Keluarga Persekitaran Sosial Terhadap Residivisme*".Sarjana Sastera (Kajian Sosial). UUM.

Tambahan pula, di dalam jurnal yang pelbagai, turut membincangkan isu kepenjaraan ini antaranya daripada Jurnal Psikologi Malaysia dengan tajuk artikelnya “*Keberkesanan Kaunseling Kelompok Tingkah Laku Kognitif Terhadap Kemarahan Dan Agresif Dalam Kalangan Banduan Penjara Lelaki*”¹⁵. Kajian konsep penjara itu dilaksanakan oleh Fakulti Psikologi yang memfokuskan tingkah laku kognitif terhadap kemarahan dan agresif daripada 40 orang banduan lelaki. Kajian tersebut adalah berbentuk eksperimen yang berkaitan dengan keberkesanan intervensi kelompok. Metod kajian tersebut adalah melalui reka bentuk ujian pra dan ujian pos dengan kumpulan perbandingan. Kemudian, prosedur kajian dijalankan dengan dibahagikan kepada dua kelompok iaitu kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Kedua-dua kelompok ini dijalankan ujian pra sebelum kelompok rawatan menjalani lapan sesi kaunseling manakala kelompok kawalan tidak menerima sebarang intervensi. Selepas kelompok rawatan menyelesaikan sesi kaunseling maka ujian pos dijalankan terhadap kedua-dua kelompok. Hasil dapatan kajian tersebut mendapati bahawa terdapat perbezaan situasi keadaan kemarahan, tret kemarahan dan peluahan kemarahan luaran diantara kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Keputusan menunjukkan bahawa kaunseling kelompok tingkah laku kognitif (rawatan) telah berjaya mengurangkan kemarahan dan agresif dalam kalangan banduan penjara.

Sehubungan dengan itu, kajian penjara turut terdapat dalam Jurnal Al-Hikmah, artikel bertajuk “*Program Koreksi Berasaskan Islam Melalui Program Halaqah Sebagai Medium Da‘wah Kepada Banduan Di Penjara Kajang*”¹⁶. Kajian bersifat kajian lapangan yang menjadikan Penjara Wanita Kajang Selangor sebagai premis

¹⁵ Norzihan Ayub et. al.,2016, “*Keberkesanan Kaunseling Kelompok Tingkah Laku Kognitif Terhadap Kemarahan Dan Agresif Dalam Kalangan Banduan Penjara Lelaki*”, h.40-51.

¹⁶ Khairul Hamimah et al. ,2015, . “*Program Koreksi Berasaskan Islam Melalui Program Halaqah Sebagai Medium Dakwah Kepada Banduan Di Penjara Kajang*” . h.3-22.

kajian. Kumpulan fokus pada kajian tersebut adalah lima orang dengan menyertai program Halaqah selama enam bulan ke atas. Kaedah temubual digunakan bagi mendapatkan data kajian di samping kaedah pemerhatian. Data yang diperoleh dianalisis berdasarkan tema-tema¹⁷ yang telah ditetapkan. Seterusnya, hasil kajian dalam kajian tersebut menunjukkan kurangnya pengetahuan agama menyebabkan mereka terjebak dalam masalah sosial tersebut. Kajian tersebut juga mendapati Program Halaqah sebagai rawatan teras bagi banduanita beragama Islam telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu sebagai medium *da'wah* yang mendorong banduan berbuat baik dan berubah menjadi insan mulia.

Antara yang lain adalah daripada Jurnal Hadhari, artikel bertajuk “*Pendidikan Juvana Di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala, Tuju, Pelaksanaan Dan Cabaran*”¹⁸. Penulisan tersebut adalah bertujuan berkongsi maklumat mengenai peradaban persekolahan di penjara, sejarah penubuhan sekolah, dasar, objektif dan hala tuju. Ianya juga menjelaskan cabaran dihadapi yang berbeza dengan sekolah harian biasa. Selain itu, ia juga mengenalpasti beberapa faktor yang mendorong pendidikan di penjara khususnya terhadap banduan juvana. Antara faktornya adalah taraf pendidikan juvana di institusi penjara, had umur juvana di institusi penjara, mematuhi akta dan peraturan. Seterusnya, jumlah pendidikan yang diwujudkan oleh penjara adalah lima buah kelas iaitu Kelas 3M (membaca, menulis dan mengira), Kelas Pra PMR, Kelas PMR, Kelas Pra SPM dan Kelas SPM. Sehubungan dengan itu, aliran pendidikan yang diwujudkan adalah aliran akademik dan aliran kemahiran. Hasil kajian menunjukkan bersekolah di institusi penjara mempunyai berbagai halangan. Dengan keprihatinan guru dan sifat simpatinya halangan itu akan bertukar menjadi

¹⁷ Pengetahuan akidah, fekah, sirah, akhlak, al-quran dan hadith.

¹⁸ Darussalam Budin ,2013, “Pendidikan Juvana Di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala, Tuju, Pelaksanaan Dan Cabaran”, h. 87-100.

cabaran. Bagi memastikan juvana yang bersekolah memperoleh kecemerlangan beberapa hala tuju telah ditetapkan.

Seterusnya, daripada jurnal artikel UKM, yang bertajuk “*Pembinaan Indeks Pembangunan Kesejahteraan Insan Untuk Banduan Parol Malaysia. (Tajuk baru: Pembentukan Indeks)*”¹⁹. Objektif kajian penulisan tersebut adalah untuk mengukur tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan yang sedang menjalani program pengawasan parol²⁰ di Malaysia. Kaedah kajian tersebut berbentuk tinjauan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif. Kajian tersebut menggunakan soal selidik untuk mendapatkan hasil kajian. Bagi mengukur tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan parol, alat ukuran dibina sendiri oleh pasukan penyelidik dengan memperoleh nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada banduan atau orang yang diparol (ODP). Seterusnya, pegawai parol telah mengumpulkan 280 ODP yang terdiri daripada pelbagai etnik telah terlibat dalam menjayakan kajian tersebut. Kemudian, pegawai parol mengasingkan mereka kepada dua kumpulan iaitu ODP yang boleh membaca dan ODP yang tidak boleh membaca. Hasil kajian dan perbincangan menunjukkan pengetahuan agama merujuk kepada pengetahuan tentang asas pendidikan agama, pegagan serta amalan agama yang dipegang oleh banduan parol yang dikaji adalah berada pada tahap pengetahuan agama yang sederhana dan rendah. Secara keseluruhannya, aspek pengetahuan agama agak membimbangkan dalam kalangan ODP. Seterusnya, beberapa cadangan diberikan

¹⁹ Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi et., al, 2013, “Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Banduan Parol : Ke Arah Pembentukan Akhlak Sejahtera”, h.1-10.

²⁰ Orang yang Diparol (ODP) merupakan banduan yang dipilih oleh pihak Jabatan penjara Malaysia untuk menjalani baki hukuman di luar penjara disebabkan oleh perlakuan baik mereka sewaktu menjalani hukuman di dalam penjara di bawah pengawasan pegawai parol berdasarkan Akta Penjara 1995 (Pindaan 2008).

dalam penulisan tersebut seperti disarankan modul kerohanian keagamaan dijadikan sebagai modul teras dalam program pengawasan parol. Selain itu, pihak berkepentingan juga adalah disarankan untuk menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih kukuh dengan guru-guru agama yang bertauliah untuk bersama-sama membantu membimbing ODP kearah kehidupan yang lebih sejahtera.

Daripada Jurnal Usuluddin pula, artikel bertajuk "*Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara*"²¹. Artikel tersebut mengupas sebelas nilai Islam²² yang diterapkan dan menganalisis kaedah pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam melalui Program Pembangunan Insan. Artikel tersebut menggunakan kajian perpustakaan. Selain itu, beberapa metode kajian lapangan seperti dokumentasi, temu bual, pemerhatian dan cerapan digunakan untuk mendapatkan fakta sosial. Dapatan kajian daripada artikel tersebut adalah menunjukkan nilai dedikasi kerjasama, tekun, tanggungjawab, bersih dan disiplin menjadi keutamaan dalam program ini selain daripada nilai-nilai lain yang seumpamanya. Hal ini kerana, untuk membentuk peribadi banduanita yang komited, bersungguh-sungguh dan rajin melakukan pembaikan diri, di samping mempunyai matlamat yang baik apabila dibebaskan.

Artikel "*Program Pemulihan Insan Dalam Kalngan Banduan Melayu Di Penjara Sungai Udang Melaka*"²³ juga membuat kajian tentang konsep kepenjaraan. Fokus penulisan dalam kajian tersebut adalah masalah utama yang berlaku dalam kepesatan pembangunan Malaysia, iaitu jenayah rogol. Maka di sini, ia membincangkan tentang metode yang digunakan dalam program pemulihan di Penjara

²¹ Khairul Hamimah Mohammah Jodi, Mohd Fauzi Hamat, Hadenan Towpek,2012, "*Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara*", h.99-116

²² Amanah, tanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun,bersih,bekerjasama, berdisplin, berbudi mulia dan bersyukur.

²³ Zaizul bin Ab. Rahman, Ab, Aziz Mohd Zain, Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Norodzoh Hj Siren ,2011, "*Program Pemulihan Insan Dalam Kalngan Banduan Melayu Di Penjara Sungai Udang Melaka*" h.1-10.

Sungai Udang, Melaka. Penulisan artikel tersebut telah menghuraikan dapatan kajian dengan menggunakan statistik deskriptif secara kuantitatif, temubual dan pemerhatian oleh pengkaji untuk mencapai tiga objektif kajian. Objektif kajian tersebut adalah mengenal pasti faktor-faktor dorongan perogol, mengetahui program-program pemulihan dan melihat latar belakang penjenayah rogol. Seterusnya, soal selidik telah dilakukan terhadap banduan di sana. Secara tuntasnya, kesimpulan daripada program pemulihan di Penjara Sungai Udang berdasarkan daripada dapatan kajian yang telah menunjukkan majoriti pesalah jenayah rogol ini amat menerima program pemulihan yang terdapat di penjara. Lebih-lebih lagi program yang berbentuk keagamaan manakala keberkesanaan hukuman sebat dan penjara amatlah berkesan di kalangan banduan yang bersetuju bahawa ia memberikan kesan terhadap diri mereka.

Di samping itu, di dalam Jurnal Kanun turut membincangkan kajian kepenjaraan dengan artikel bertajuk "*Isu Dalam Penahanan dan Pemulihan Banduan Di Malaysia*"²⁴. Isu yang berbangkit dalam kajian tersebut adalah hak banduan, adakah hak banduan terlaksana sebagaimana diperuntukkan undang-undang yang berkaitan dengan menepati prinsip syarak, khususnya maqasid al-Syari'ah. Demikian juga sama ada undang-undang tersebut menepati garis panduan yang ditetapkan oleh peraturan atau instrument antarabangsa. Kajian tersebut dilaksanakan di salah sebuah penjara awam dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Kajian tersebut melibatkan 25 orang banduan wanita, lapan orang pegawai penjara, dan penguasa Penjara Wanita Kajang. Hasil kajian mendapati secara umumnya diperuntukkan undang-undang yang berkaitan dengan penjara dan penyeliaan

²⁴ Wan Roslili Abd. Majid, Najibah Mohd Zain, 2015, "*Isu Dalam Penahanan dan Pemulihan Banduan Di Malaysia*", h. 143- 169.

penghuninya seperti Akta Penjara dan Peraturan-Peraturan Penjara, mematuhi prinsip maqasid al- *syari'ah* dan piawaian antarabangsa.

Di dalam jurnal yang sama juga turut membentangkan satu lagi perbincangan kajian iaitu daripada Jamaludin Saad yang bertajuk "*Cabaran Dalam Usaha Membangunkan Dan Melaksanakan Modul Pemulihan Di Dalam Penjara Untuk Pesalah Jenayah Syari'ah*"²⁵. Artikel tersebut membentangkan pengalaman dalam membangunkan dan melaksanakan modul pemulihan dalam penjara. Rujukan dibuat kepada dokumen dan aktiviti berkaitan dengan modul pemulihan serta pemerhatian pelaksanaan modul tersebut. Hasil dapatan daripada kajian tersebut adalah dengan beberapa cadangan dan saranan. Antaranya ialah membina modul pemulihan pesalah *syariah* memerlukan penglibatan bijak pandai dan ahli yang arif dalam bidang keagamaan, motivasi, psikologi dan kaunseling. Kerjasama Jabatan Penjara Malaysia bersama-sama dengan Jabatan Kehakiman Syarie Malaysia (JKSM), Jabatan Kemajuan Islam dan lain-lain agensi yang berkaitan amat penting dalam menghasilkan modul. Modul turut dirangka dan disediakan dalam penulisan tersebut.

Secara umumnya, beberapa kajian ilmiah yang berkait rapat dengan kajian ini pernah dilakukan kira-kira 10 tahun yang lalu di beberapa buah penjara sebagai tempat kajian pada tahap peringkat pendidikan Ijazah Sarjana Muda²⁶ mahupun Ijazah Sarjana

²⁵ Jamaludin Saad ,2015, "Cabaran Dalam Usaha Membangunkan Dan Melaksanakan Modul Pemulihan Di Dalam Penjara Untuk Pesalah Jenayah syari'ah". h.143- 169.

²⁶ Kajian Ijazah Sarjana Muda yang hampir sama dengan pengkaji ialah : Mohd Afezan bin Md Ghani, (1987), "*Persepsi Banduan Terhadap Program Pembangunan Sahsiah Di Penjara*". Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. UTM. Mohd Sofian Mat Ludin , (2003) "*Keberkesanan Program Kefahaman Dan Penghayatan Islam Di Kalangan Banduan : Satu Kajian Di Penjara Kajang Selangor*". Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. UTM. Hanisah Abdul Ghafar (1999), "*Kegiatan Dakwah di Penjara Wanita Kajian Sejauh Mana Keberkesanannya*". Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Ilmiah.UKM. Kamal Bin Mamat, (1998/1999) "*Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Di Kalangan Banduan Penjara Seremban, Negeri Sembilan*". Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. UKM. Mohd Fakrumizi Bin Yahaya, (2000/2003), "*Keberkesanaan Program Keagamaan Kepada Banduan Di Penjara Penor, Pahang*". Mohd Sofian Mat Ludin (2003), "*Keberkesanaan Program Kefahaman Dan Penghayatan Islam Di Kalangan Banduan: Satu Kajian Di Penjara Kajang, Selangor*". Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Muhammad Ali Jinah Kader Ibrahim (2001/2002),

Tinggi²⁷. Oleh itu, kajian ini dirasakan perlu untuk dilakukan dan perlu diambil berat tahap metode *da'wah* yang terkini dan semasa bagi mengenalpasti tahap penilaian keberkesanannya. Objektif kajian juga hampir sama dengan kajian-kajian ilmiah yang lepas iaitu dengan memfokuskan metode *da'wah* dan membuat penilaian terhadap keberkesanannya di penjara. Walaubagaimanapun kajian pengkaji berbeza dengan kajian-kajian yang lepas dari segi tempat kajian di mana lokasi kajian ini belum pernah dibuat lagi. Selain itu, dari segi penentuan subjek kajian juga berbeza dengan kajian-kajian yang lepas di mana kajian yang lepas hanya memfokuskan fasa 2 sahaja tetapi pengkaji akan mengkaji semua fasa iaitu fasa 1, fasa 2, fasa 3, dan fasa 4. Hal ini kerana, semua banduanita diwajibkan melalui fasa 1 dan fasa 2 yang juga dikenali sebagai fasa pemulihan, justeru itu, pengkaji dapat melihat keberkesanan banduanita di fasa 3 dan fasa 4 selepas mereka menjalani fasa pemulihan selama hampir setahun setengah dan di waktu yang sama dapat melihat metod *da'wah* di fasa 1 dan fasa 2.

1.5 Skop Dan Batasan Kajian

Fokus kajian ini ialah penilaian metode *Da'wah Tarbiyah al-Nafs*. Skop kajian ini akan dilakukan kepada 300 orang banduan di Penjara Pokok Sena. Responden terdiri daripada 195 orang banduan lelaki dan 105 banduan wanita. Kajian ini hanya mengukur perubahan dari sudut perubahan dengan dinyatakan sendiri oleh para

"Persepsi Juvana Terhadap Program Pemulihan Akhlak : Kajian Di Penjara Dusun Dato' Murad, Ayer Keroh, Melaka " . Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. UUM. Zubaidah Bayan (2008), *" Program Dakwah Terhadap Banduan Wanita Di Penjara Tengerang Indonesia "*, Disertasi Usuluddin. UM. Noor Lizati Zakaria (2004), *" Masalah Pembinaan Akhlak Penagih Dadah Wanita: Suatu Kajian Di Pusat Serenti Wanita Di Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan "*. Disertasi Usuluddin. UM. Rohani Mohamed Nor (1999) *" Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Islam Di Kalangan Banduan Wanita : Satu Kajian Di Penjara Pengkalan Chepa "*. Kajian Ilmiah. UKM. Jamaluddin Mustafa (2003), *"Program Pemulihan Dan Rawatan Ke Atas Banduan-Banduan Di Jabatan Penjara Malaysia"*. UUM. Musliha Mohd Sharif (2003), *" Keberkesanan Aktiviti Dakwah Di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Penjara Muar, Johor "*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. UM. Mohd Zulkifli Omar (2003), *" Kajian Keberkesanan Program Dakwah Terhadap Banduan : Suatu Kajian Di Penjara Maran, Terengganu "*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. UM.

²⁷ Kajian Ijazah Sarjana Tinggi yang hampir sama dengan pengkaji ialah : Abdul Munir Haji Ismail, (2003), *"Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan Di Penjara Kajang "*, Selangor, UM.

banduan menerusi soal selidik yang dibekalkan. Ia tidak mengukur perubahan dari sudut tingkah laku mahupun pertuturan. Selain itu, dalam tempoh masa yang terhad perkara-perkara mengenai akidah Islam hanya disentuh secara ringkas. Penjara pokok sena dipilih kerana menempatkan banduan dengan berbagai-bagai latar belakang dan kesalahan justeru ia merupakan satu-satunya penjara maksimum di Malaysia²⁸.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dan harus dilakukan adalah kerana:

- i) Kajian ini penting kerana hasil dapatan dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu *da'wah* metodologi *da'wah* yang lebih bersifat kontemporari dan kompetitif.
- ii) Hasil kajian dapat menyumbang sebagai salah satu kaedah menangani masalah sosial yang wujud dalam masyarakat masa kini berdasarkan penilaian yang lebih fokus kepada masalah yang penting serta relevan dengan keperluan masyarakat masa kini yang begitu banyak kadar jenayah.
- iii) Hasil kajian ini dapat memberi panduan yang berguna kepada semua jabatan penjara tentang kaedah penerapan nilai-nilai *da'wah* yang berkesan.
- iv) Hasil kajian dapat menjadi garis panduan dalam memantapkan lagi perkhidmatan yang membantu bantuan-banduan dengan pendekatan baru daripada program-program keagamaan.
- v) Dari segi penilaian pula, hasil kajian adalah penting untuk membantu pihak-pihak seterusnya merangka strategi ke arah memantapkan

²⁸ Prison.gov.my dicapai pada 5/2/2023, jam 8.27a.m

perkhidmatan di tempat masing-masing terutamanya dengan mengaplikasikan nilai-nilai *da'wah* dalam unit agama, Jabatan Penjara.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kaedah kuantitatif dengan merujuk kepada bilangan yang diskrit, yang dinyatakan dengan tepat. Kaedah pengkajian kuantitatif dipilih kerana pengkajian ini melibatkan pengukuran data atau teknik statistik dan pengelolaan yang cermat. Hal ini juga melalui prosedur statistik atau cara pengkuantitian yang lain. Tambahan pula, penyelidikan kuantitatif adalah jenis penyelidikan pendidikan di mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan daripada pengkaji menganalisis nombor-nombor tersebut dengan menggunakan statistik dan menjalankan inkuiri dalam bentuk yang objektif dan tidak berat sebelah²⁹.

Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti secara lebih mendalam adakah pendekatan *Da'wah Tarbiyah al-Nafs* diaplikasikan dalam pelaksanaan metode *da'wah* oleh Bahagian Unit Agama, Jabatan Penjara Pokok Sena, Kedah di mana pengkaji boleh mengemukakan soalan-soalan temubual berstruktur yang berkaitan kajian secara langsung kepada pengajar-pengajar agama dan pegawai-pegawai penjara juga soal selidik terhadap banduan. Semua data dan maklumat dalam kajian ini dikumpulkan melalui dua metode utama iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan.

²⁹ John W.Cresswell, 2008, “ Educational Research-Planning, Conducting, and Evaluating Quantative and Qualitive Research ”. 3rd Edition . h.14.

1.7.1 Kajian Kepustakaan

Menerusi kaedah pengkajian kepustakaan pengkaji mengumpul data menerusi metode dokumentasi dan metode pensejarahan daripada bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan. Kajian perpustakaan ialah antara kaedah yang terpenting yang banyak memandu pengkaji kepada tajuk kajian ini. Ini termasuk kajian terhadap buku-buku tentang pemulihan penjara dan kaedah-kaedah rawatan kepada para pesalah. Seterusnya, kajian turut melibatkan rujukan lain seperti ensklopedia, disertasi, tesis, periodicals atau bahan-bahan terbitan bersiri seperti majalah, jurnal, keratan akhbar dan lain-lain bahan bercetak yang berkaitan tajuk kajian. Dalam kaedah kajian perpustakaan ini, penulis turut mengkaji bahan-bahan dari sumber Ibu Pejabat Penjara Pokok Sena seperti dokumen, fail, laporan tahanan Ibu Pejabat Penjara dari sumber Arkib Negara Malaysia turut menjadi rujukan penulis.

Manakala sumber-sumber lain terdiri antaranya terdiri daripada jurnal, tesis, disertasi, buku, artikel, laporan tahunan dan teks lain yang berkaitan. Data sekunder juga merangkumi sumber-sumber yang dicapai daripada laman-laman sesawang seperti laman sesawang institusi, majlis, organisasi dan perpustakaan universiti. Data yang dikumpul memberi idea asas dalam mereka bentuk, menganalisis dan menginterpretasikan kajian ini ³⁰.

Segala maklumat yang diperolehi digunakan terutamanya untuk menyokong, menambah dan memperdalam pengetahuan pengkaji supaya kefahaman dari aspek teoritikal terhadap tajuk kajian dapat dikuasai dengan baik. Pada hakikatnya, data yang diperolehi di perpustakaan dijadikan asas untuk menjalankan penelitian di peringkat lapangan. Sungguhpun begitu segala maklumat yang diperolehi di perpustakaan hanya

³⁰ Sabithan Marican, 2005." *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*". h. 1-10

berbentuk teori. Oleh itu, ia memerlukan pengkajian lapangan bagi melengkapkan kajian ini. Pengkaji menggunakan beberapa buah perpustakaan antaranya perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengumpulan data melalui bukti dokumen juga perlu bagi mendapatkan maklumat berkaitan Penjara Pokok Sena. Data-data dalam bentuk dokumen berkaitan Penjara Pokok Sena boleh dikumpulkan daripada pelbagai sumber seperti surat, memorandum, minit mesyuarat, dokumen pentadbiran dan bahan yang tersiar dalam media massa³¹. Bukti dokumen yang digunakan dalam kajian ini termasuklah pamphlet Penjara Pokok Sena, buku rekod, jadual dari aspek jantina, bangsa dan jenis-jenis kes yang dikendalikan di Penjara Pokok Sena. Selain itu, dokumen-dokumen dalam bentuk kertas kerja tentang sejarah penubuhan Penjara Pokok Sena juga amat membantu menyempurnakan kajian ini.

1.7.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan merupakan kajian yang dilakukan secara langsung oleh pengkaji di penjara Pokok Sena. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan fakta secara spesifik dan realistik mengenai apa yang sedang berlaku di penjara Pokok Sena. Di dalam rangka pengkajian ini, pengkaji menggunakan tiga metode utama iaitu metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode analisis data.

³¹ Razali Abon, 1994, "Amalan-Amalan Penyeliaan Dalam Program Praktikal Pendidikan Guru Pra Perkhidmatan", Tesis PhD, Bangi : Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 281. Lihat juga Suseela Malakoluntu, 2001, "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif : Satu Imbasan", dalam Marohaini Yusoff, "Penyelidikan Kualiti Pengalaman Kerja Lapangan Kajian", Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 126.

1.7.2(a) Metode Penentuan subjek

Subjek dalam kajian ini terdiri daripada 195 orang banduan lelaki Islam dan 105 orang banduan wanita Islam juga kesemua pengajar-pengajar agama yang berkhidmat di Penjara Pokok Sena. Kesemua ini dijadikan sampel dalam metode pengumpulan data. Kaedah penentuan subjek adalah merujuk jadual penentuan saiz sampel berdasarkan jadual Krejcie & Morgan dan jadual Cohen et.al³².

Jadual 1.5 Jadual Penentu Saiz Sampel

TABLE FOR DETERMINING SAMPLE SIZE FROM A GIVEN POPULATION									
N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	181	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: "N" is population size
"S" is sample size

Justeru, dapat disimpulkan di sini, jumlah banduan Penjara Pokok Sena adalah 1400 orang banduan (N) maka jumlah saiz sampel yang tepat bagi penentuan subjek sampel (S) adalah 302 orang. Oleh hal demikian, jumlah banduan bagi responden kajian ini adalah seramai 300 orang dan kesemua pegawai-pegawai penjara yang terdiri daripada 2 orang lelaki dan seorang wanita.

³² Krejcie, Robert V, Morgan, Daryle W, 1970 "Determining Sample Size for Research Activities", Educational and Psychological Measurement h.40